

1 juta rumah mampu milik bukan janji populis – Menteri

Malaysiakini

19 Februari 2019

Sasaran kerajaan untuk membina satu juta rumah mampu milik dan kos rendah dalam masa 10 tahun adalah realistik dan bukan sekadar janji populis, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata kerajaan Pakatan Harapan (PH) komited untuk merealisasikan sasaran berkenaan yang gagal dilaksana oleh kerajaan terdahulu.

"Saya tak tahu (Parti) Gerakan, saya rasa mereka pernah jadi sebahagian daripada kerajaan selama 60 tahun. Jika dalam masa 60 tahun mereka tidak boleh melakukannya, mereka tidak boleh mengatakan yang kami (PH) tidak berupaya melakukannya," katanya kepada pemberita selepas menutup 'Malaysia Urban Forum 2019' di Kuala Lumpur, hari ini.

Presiden Gerakan Dr Dominic Lau, semalam dilaporkan berkata pengumuman kerajaan akan membina sejuta unit rumah mampu milik dan rumah kos rendah dalam tempoh 10 tahun adalah satu lagi pembohongan serta janji populis PH untuk kekal berkuasa.

Sementara itu, Zuraida berkata KPKT telah membentangkan cadangan lokasi di seluruh negara untuk membina 100,000 rumah mampu milik dan kos rendah bagi tahun ini dalam mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

"Bagi tahun ini semuanya sudah ada, ada cadangan di beberapa negeri termasuk Pahang dan Pulau Pinang.

"Ini termasuk beberapa pembangunan di kawasan bandar, pembangunan berkelompok kawasan yang ada infrastruktur yang kukuh, sistem pengangkutan yang baik, tanah-tanah ini akan digunakan (bina rumah)," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/464737>